Modul khas tangani jenayah pelajar dilancarkan bulan depan - Ayob Khan

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad - September 25, 2023 @ 10:48pm
bhnews@bh.com.my



Ayob Khan pada Forum 'Membendung Gelombang Jenayah: Mewujudkan Komuniti Lebih Selamat Bersama' di Dewan Canselor UTeM, hari ini. - NSTP/ MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

ALOR GAJAH: Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan melancarkan satu modul khas untuk menangani isu jenayah, termasuk buli siber dan penagihan dadah dalam kalangan pelajar sekolah serta universiti di seluruh negara, bulan depan.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay, berkata modul itu ditambah baik daripada Modul Kesedaran Jenayah Kanak-kanak dan Remaja (Mekar) yang diperkenalkannya ketika menjadi Ketua Polis Johor, tiga tahun lalu.

Beliau berkata, modul itu dibangunkan hasil kerjasama pegawainya dengan pakar psikologi dari universiti tempatan, mencakupi pelbagai isu berkaitan pelajar dan akan digunakan dari peringkat sekolah rendah hingga universiti.

"Saya akan membawa modul ini ke peringkat pusat di Bukit Aman untuk dilancarkan ke seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan sebagainya, insya-Allah," katanya ketika menjawab soalan peserta pada Forum 'Membendung Gelombang Jenayah: Mewujudkan Komuniti Lebih Selamat Bersama' di Dewan Canselor, Universiti Teknologi Malaysia Melaka (UTeM), Durian Tunggal, hari ini.

Ayob Khan memaklumkan ketika ini, sebarang isu jenayah termasuk buli siber dilakukan pelajar sekolah, akan dirujuk kepada Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) mengikut daerah yang akan memberikan nasihat kesedaran.

"Kita yakin modul ini akan memberi impak besar jika diguna pakai pada semua peringkat sekolah dan universiti apabila ia dilancarkan pada bulan depan.

"Sementara waktu ini kalau ada masalah, berhubung dengan PPS untuk kita mencari penyesuaian," katanya.

Dalam isu pelajar terbabit penyalahgunaan dadah di Johor sebelum ini, beliau berkata, pihaknya menggunakan pendekatan menemu bual mereka bagi mengesan pengedar dadah.

"Kita meminta izin pihak sekolah untuk temu bual pelajar dari mana mereka mendapat bekalan dadah itu dan berjaya menangkap ramai tokan dadah. Insya-Allah, modul yang sama kita akan gunakan untuk seluruh negara," katanya.